

**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN  
AKAUNTAN DESIRE - BIL. 5/2009**

Tarikh: 16 Disember 2009 (Rabu)  
Masa: 2.30 petang  
Tempat: Dewan Perdana  
Tingkat 16, Blok 9  
Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta,  
Kuala Lumpur

**Kehadiran:**

<b>PEGAWAI LHDNM</b>		
1.	Encik Mohammad Sait Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Operasi Cukai <b>(Pengerusi)</b>
2.	Puan Asriah Bt. Shaari	Pengarah Pejabat Negeri Selangor
3.	Encik Sani Bin Mohd Taib	Pengarah Bahagian Aplikasi e-Services Jabatan Teknologi Maklumat
4.	Puan Nik Melini Bt. Nik Sulaiman	Pengarah Bahagian Rayuan & Bantuan Teknikal, Jabatan Pematuhan Cukai
5.	Encik Mohd Yusof Bin Harun	Pengarah Pusat Pemprosesan, Jabatan Pemprosesan Maklumat
6.	Puan Dayang Halimah Bt. Awang Ahmad	Pengarah Bahagian Ketetapan Umum Jabatan Dasar Percukaian
7.	Puan Norhayati Bt. Mat Kassim	Pengarah Bahagian Pembangunan Operasi, Jabatan Operasi Cukai
8.	Puan Salmah Bt. Che Ros	Pengarah Bahagian Pusat Khidmat Pelanggan, Jabatan Khidmat Korporat
9.	Encik Abd Rahman Bin Yusof	Ketua Unit e-Filing, Jabatan Teknologi Maklumat
10.	Puan Suria Maimun Bt. Mat Jais	Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Duti Setem, Jabatan Operasi Cukai
11.	Encik Mohd Affandi Bin Doya	Pengarah Bahagian Keurusetiaan & Penyeleraan, Jabatan Khidmat Korporat

12.	Encik Ahmad Sauqi Bin Ishak	Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13.	Puan Hasmiza Bt. Yob	Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14.	Encik Elmy Hisham Bin Md Rashid	Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Pungutan, Jabatan Pungutan Hasil
15.	Encik Hisyam Bin Hamdan	Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16.	Puan Wan Saodah Bt. Wan Abu Bakar	Pengarah, Bahagian Pengurusan Pelanggan, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
17.	Puan Ooi Chooi Peng	Penolong Pengarah, Bahagian Dasar & Operasi, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
18.	Puan Muzlifah Bt.Musa	Pegawai Hasil, Jabatan Teknologi Maklumat (Urus setia)
19.	Puan Bavani Joseph	Penolong Pegawai Hasil, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
<b>WAKIL DIGICERT</b>		
20.	Encik Amir Suhaimi Hassan	
21.	Encik Mohd Diah A Karim	
22.	Encik Nik Kariman Nik Ismail	
<b>WAKIL PERSATUAN AKAUNTAN</b>		
23.	Encik Lim Kah Fan	Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
24.	Cik Sim Pei Sheng	CTIM
25.	Puan Lim Gim Kim	CTIM
26.	Encik Lim Kok Seng	CTIM
27.	Encik Ng Chee Shiong	CTIM
28.	Puan Azlina Bt. Zakaria	Malaysian Institute of Accountants (MIA)
29.	Puan Heather Khoo	MIA

30.	Puan Tong Siew Choo	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
31.	Puan Marlinah	MICPA
32.	Puan Haslinda Bt. Azman	Malaysian Association of Tax Agents (MATA)
33.	Puan Zalina Bt Dato' Haji Mohd Sahir	ICMA
34.	Puan Junainah Bt. Mohd Yusuf	ICMA
35.	Encik Peter Lim Thiam Kee	Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administrators (MAICSA)
36.	Encik Ong Whee Tiong	MAICSA
37.	Cik Nurul Aliza Bt. Abd Aziz	MAICSA
<b>WAKIL PERSATUAN BEKAS PEGAWAI HASIL DALAM NEGERI</b>		
38.	Y.Bhg Datuk Mohd Saian Bin Ridzuan	
39.	Encik Harpal S Dhillon	

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat dan seterusnya, mengalu-alukan kehadiran ahli baru mesyuarat yang mewakili Persatuan Bekas Pegawai Hasil Dalam Negeri. Seterusnya, semua ahli mesyuarat dijemput untuk memperkenalkan diri masing-masing.
- 1.2 Pengerusi menerangkan secara ringkas tujuan penubuhan *Working Group* yang dinamakan DESIRE:
  - (i) bekerjasama untuk mewujudkan persekitaran percukaian yang kondusif dan meminimumkan bebanan pematuhan oleh pembayar cukai dan juga majikan;
  - (ii) membolehkan ejen cukai mengendalikan urusan percukaian pelanggan dengan cara yang paling berkesan; dan
  - (iii) membolehkan LHDNM mewujudkan sistem percukaian yang lebih efektif dan efisien.
- 1.3 Pengerusi memaklumkan juga bahawa tujuan LHDNM meminta maklumat pekerja daripada majikan melalui Borang E adalah ke arah sistem praisi (*prefilled*) Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Sistem seperti ini telah dilaksanakan di banyak negara lain (Singapura, Amerika Syarikat, Afrika Selatan). Dengan cara ini, majikan akan menanggung sedikit bebanan tetapi manfaat kepada pekerja mereka (pembayar cukai) amat besar sekali dengan memudahkan pematuhan cukai. Keadaan ini serupa dengan sistem PAYE yang dilaksanakan di United Kingdom dan kebanyakan negara maju juga meletakkan tanggungjawab mengira cukai pengajian sepenuhnya ke atas majikan.
- 1.4 Oleh yang demikian, jika pengendalian secara manual rumit dan sukar, penggunaan sistem berkomputer adalah pilihan yang terbaik bagi majikan. Pada masa kini, perisian perakaunan dan pembayaran gaji berkomputer sedia ada di pasaran. Pada masa yang sama, LHDNM sedang menyediakan aplikasi *client-to-host* bagi memudahkan lagi ejen cukai yang menggunakan sistem percukaian berkomputer menghantar BNCP melalui sistem e-Filing.

## 2. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

### 2.1 Perkara 3.2: Timeline e-Filing

Mesyuarat memaklumkan bahawa tarikh pelancaran e-Filing untuk Individu dan TAeF adalah **1 Mac 2010** bagi **e-B, e-BE, e-M, e-E dan e-P**. Persekitaran latihan e-Filing akan dibuka mulai **15 Jan 2010 hingga 29 Jan 2010**.

## 3. PERBINCANGAN

### Isu Yang Dibangkit Oleh CTIM

I	<b>General Filing Issues</b>
---	------------------------------

#### 3.1 TAeF CP 204

##### (a) Save/Draft Facility

Currently, there is no facility to save a draft for checking before submission.

The Institutes would appreciate if the facility can be provided. With such a facility, a junior staff may perform the data input, and subsequently, a senior staff will be able to do a check, and the information may also be transmitted to the client for confirmation.

#### ***LHDNM***

***Kemudahan ini akan dibekalkan dan dijangka berada dalam produksi pada 15 Januari 2010.***

##### (b) Requirement for manual sign-off after submission

There is a requirement for a manual sign-off after submission.

Although a similar issue (regarding Form B/C) has been brought up before, the members of the professional bodies still urge IRBM to reconsider and agree to dispense with this requirement. It is a reasonable request, considering the fact that the CP55A itself is a safeguard; besides, the practitioners have in place their own procedures for their clients to confirm the tax computation/return/form.

In short, with the provisions under S 152A(3), S 152A(4), S 152A(5)(a) and S152A(5)(b), it appears that S152A(5)(d) in the Income Tax Act 1967 is redundant.

#### **LHDNM**

***Cadangan meminda peruntukan ini telah diketengahkan semasa pengubalan bajet 2010 tetapi ditolak.***

***Pembayar cukai dikehendaki menandatangani salinan bercetak BNCP di bawah subseksyen 152A(5)(d) ACP 1967:***

- i. Bagi pembayar cukai: Bukti bahawa dia mengetahui kandungan BNCP yang telah difailkan oleh ejen cukai bagi pihaknya; dan***
- ii. Bagi ejen cukai: Memastikan pembayar cukai tidak membuat penafian pada masa hadapan berhubung maklumat dalam BNCP yang telah difailkan oleh ejen cukainya.***

## **II YA 2010 Filing Issues**

### **3.2 Filing Program Target Launch Dates**

This being an annual matter, the Institutes would like to know the details soonest possible.

#### **LHDNM**

***Tarikh pelancaran e-Filing untuk e-BE, e-B, e-M, e-E dan e-P Tahun Taksiran 2009 untuk individu dan juga TAeF adalah pada 1 Mac 2010.***

## **III Issues Arising from Previous Meetings**

- Perkara 1.0: Separate Logins (for Corporate taxpayers) (Item 3.4 of Minutes of DESIRE Meeting No. 3/2009)**

The IRBM had stated that the professionals would be informed when the arrangements with regard to separate logins are ready. (It is noted that Digicert had advised that it is possible from the IT perspective while the Technical Department had advised that there are no legal constraints with regard to this matter.)

The Institutes would like to know the outcome of the matter.

**LHDNM**

***Sijil Digital Syarikat dijangka boleh dibekalkan mulai Julai 2010 bagi Borang C & R 2010.***

- **Perkara 2.0: Timeline client-to-host application (Item 4.1.3 of Minutes of DESIRE Meeting No.3/2009)**

There is no further update subsequent to the IRB's email dated 16 November 2009 postponing the SPTA meeting which was originally scheduled for 27 November 2009

The Institutes would like to know when the dialogue will be held.

**LHDNM**

***Tarikh penerangan kepada SPTA hanya akan dapat ditetapkan setelah LHDNM mendapat kelulusan Kementerian Kewangan untuk melaksanakan sistem ini. Kelulusan dijangka akan diperolehi dalam Januari 2010 atau paling lewat dalam Mac 2010.***

***Aplikasi client-to-host akan disediakan bagi e-B tahun taksiran 2009 dalam 2010.***

- **Perkara 3.0: e- FILING**
  - (a) **Differences between E-Latihan and E-Production (Item 3.6 of Minutes of DESIRE Meeting No. 3/2009)**

The IRB had advised that there are no differences between the two. The view was that once e-Production is launched, e-Latihan would have served its purpose since e-Latihan is used by service providers for testing and feedback prior to the e-Production launch.

The Profession had highlighted that there were still differences. Unfortunately, as, none of the service providers were present at the meeting, the matter was not fully resolved. In any case, the meeting was advised that service providers had been submitting their feedback directly to Helpdesk.

The Institutes wish to clarify that while the e-Production is launched, experience has shown that there are still bugs which need to be addressed. The solution will first be incorporated into the e-Latihan for service providers to test and adjust their software packages accordingly. The solution will be finalised after the testing and then uploaded to the e-Production. So it is clear that the e-Latihan and e-Production should simultaneously be kept open during the filing period.

The Institutes acknowledge that while the response from Helpdesk has been better since the issue was raised in previous meetings, there is still room for improvement, and hopefully IRBM would rise to the occasion.

**LHDNM**

***LHDNM akan mengambil maklum tentang perkara ini.***

**(b) Change Control**

It is noted that IRBM occasionally sends out a change control message that tells service providers that there is a change in version numbers. On the same matter, it is also known that there are changes occurring (at least in e-Latihan) without notices being issued.

The Institute would like a confirmation whether such change control messages would be consistently issued, and would urge the IRBM to provide the details of the release.

**LHDNM**

***LHDNM akan mengambil maklum tentang perkara ini. Setiap perubahan akan disertakan dengan penerangan.***

- **Perkara 4.0: e-Filing timeline 2010 (B, BE, M) (Item 4.1.2 of Minutes of DESIRE Meeting No. 3/2009)**

The Institutes had requested for the e-Latihan target date to be set earlier than the original scheduled date of 17 February 2010.

A date earlier than 1 February 2010 would be preferred, and appreciated.

**LHDNM**

***Kemudahan ujian oleh SPTA akan disediakan bermula pada 15 Jan 2010 hingga 29 Jan 2010.***

- **Perkara 5.0: Pre-filling of e-BE (Item 3.5 of Minutes of DESIRE Meeting No. 3/2009)**

It was stated that the matter required further study and research.

The Institutes would like to know the progress of the matter.



**LHDNM**

***Pada peringkat awal, ujian rintis akan dimulakan dengan pegawai LHDNM, Kerajaan Persekutuan dan Pertronas untuk e-Filing e-BE tahun 2010.***

- **Perkara 6.0: Submission of Return Forms for company liquidation cases. (Item 3.13 of Minutes of DESIRE Meeting No. 3/2009)**

The Corporate Services Department had been asked to check whether the matter had been included as a Frequently Asked Question (FAQ) in the IRB website; and that appropriate follow-up action was required to update the website accordingly.

The Institutes would like to know when the matter will be completed.

**LHDNM**

***FAQ berkaitan dengan syarikat terdapat dalam laman web Hasil. Maklumat berkaitan kes pembubaran boleh dicapai di <http://www.hasil.gov.my/lhdnv3/documents/SoalanLazim/FAQBC.pdf>.***

***Pada masa ini, kemas kini FAQ versi terbaru masih dijalankan dan dijangka siap pada awal tahun 2010.***

***Di samping maklumat FAQ di atas, Garis Panduan berkenaan Prosedur Permohonan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) Syarikat boleh dicapai pada laman utama web Hasil di bahagian Maklumat Terkini. Garis Panduan ini menyediakan maklumat berkenaan isu ini dengan lebih lengkap.***

- **Perkara 7.0: Form EA/EC BE (Item 4.3.3 of Minutes of DESIRE Meeting No. 3/2009)**

The Institutes had agreed that pay slips are acceptable, in place of Form EA and EC, for purposes of filing the employee's income tax return.

In this connection, the Institutes urge the IRBM to confirm the matter for reference by the members.

### **LHDNM**

**Mengikut catatan minit mesyuarat Bil. 3/2009, pembayar cukai boleh melaporkan pendapatan penggajian mereka berdasarkan slip gaji kerana kebanyakan daripada kes mereka adalah jelas dan mudah. Dengan itu, mereka tidak perlu menunggu Borang EA/EC daripada majikan. Keputusan ini juga akan mengelakkan mereka daripada berhadapan dengan kesesakan pada minggu terakhir bulan April.**

**Walau bagaimanapun, dalam Bajet 2010, peruntukan subseksyen 83(1A) ACP 1967 yang berkuat kuasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, majikan dikehendaki menyediakan dan menyerahkan Borang EA/EC kepada pekerja pada atau sebelum hari terakhir dalam bulan Februari tahun berikutnya.**

**Oleh yang demikian, pembayar cukai boleh mengemukakan Borang BE lebih awal berbanding tahun-tahun yang lepas kerana pekerja akan menerima Borang EA/EC daripada majikan selewat-lewatnya pada bulan Februari.**

- **Perkara 8.0: Explanatory notes on Form R 2009**

The Institutes note that the Explanatory Notes for Form R 2009 are not consistent and thereby caused some confusion. For instance, the use of the term *instalment from (ansuran dari)* in Example 5 does not appear to be consistent. [e.g. *ansuran dari Mac 2007* means the instalment for February 2007, payable by 10 March 2007. On the other hand, *ansuran dari Disember 2007* refers to the December 2007 instalment payable by 10 January 2008. The Institutes hope that the matter can be corrected as soon as possible.

### **LHDNM**

**Mengikut Contoh 5 Nota Penerangan Borang R 2009, syarikat berkenaan menutup akaun pada 31 Januari dan tempoh perakaunannya bagi Tahun Taksiran 2008 adalah dari 1 Februari 2007 hingga 31 Januari 2008 (tempoh asas).**

**Menurut peruntukan subseksyen 107C(5) bagi syarikat yang sedia ada ('existing company') dan subseksyen 107C(12) ACP 1967, ansuran seksyen 107C bermula dari bulan ke-2 dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran, dan tarikh ansuran kena dibayar ('due date') adalah hari ke-10 dalam bulan ansuran berkenaan.**

***Bagi Contoh 5, ansuran seksyen 107C bermula dari Mac 2007 (tarikh kena dibayar: 10 Mac 2007) dan bukannya Februari 2007. Ansuran Disember 2007 (tarikh kena dibayar: 10 Disember 2007) dalam contoh ini ditunjukkan sebagai ansuran yang lewat dibayar.***

***Oleh itu, Contoh 5 adalah betul.***

- **Perkara 9.0 Disaster Action Plan**

It was proposed during the DESIRE 4-2009 meeting that a disaster / contingency plan relating to e-Filing be put in place by IRBM. This had been agreed to by Dr. Shukor and Mr. Sani had been asked to come up with a plan for implementation.

The Institute would like to know the status / progress of the plan.

***LHDNM***

***Kemudahan DRC untuk e-Filing disediakan mulai tahun 2008. DRC boleh diaktifkan selepas 4 jam.***

- **Perkara 10.0 Change management for e-filing**

The profession and software providers would like to request that more details be provided on changes made to the e-filing system and/or e-Borang besides informing on the upgraded version number.

Some supporting documents (generated in eLatihan environment) on the errors encountered in Form eR2009 in the IRB's e-filing system are provided as attachments. Please refer to the files attached:

*Case 1a.eR2009 – row data not calculated*

*Case 1b.eR2009 – row total not calculated*

*Case 2a.eR2009 – 1<sup>st</sup> load with data*

*Case 2b.eR2009 – 2<sup>nd</sup> load with data*

*Case 2c.eR2009 – row totals and column not calculated*

*Case 3a.eR2009 – column total not refreshed*

*Case 3b.eR2009 – 1184885308 1<sup>st</sup> load data*

*Case 3c.eR2009 – 1184885308 2nd load different column*

With the integration / loading method as suggested by the IRB/Digicert, the row totals and column totals in Part B of Form eR will not be calculated correctly. Even if we subsequently accessed these cases (loaded earlier through integration software) in the e-filing system directly and clicked on "Save & Proceed" button, these totals will not be refreshed either.

It only works when users click on (or tab through) each and every field in this webpage. In other words, it only works for normal users accessing the e-filing system directly, and not through the integration software.

The Institutes hope that the IRB can look into these errors and rectify them as soon as possible.

### **LHDNM**

***Ujian bersama En. Keegan telah dibuat dengan menggunakan intergrated software pada 10 Disember 2009 di Bilik Operasi JTM. Walau bagaimanapun, ujian seterusnya akan dibuat bagi mendapatkan root cause.***

## **4. HAL-HAL LAIN**

### **4.1 Error Semasa Muat Turun Borang PDF e-Filing**

Semakan telah dibuat dan didapati masalah terjadi hanya di pihak pengadu sahaja.

### **4.2 Kerugian Tahun Semasa Dibawa Ke Belakang**

Mesyuarat memaklumkan bahawa pindaan pengiraan cukai untuk Tahun Taksiran 2008 disebabkan kerugian tahun 2009 dibawa ke tahun 2008 perlu dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pembayar cukai.

### **4.3 Sistem Percukaian Satu Peringkat (*Single Tier*) Bagi Syarikat**

Syarikat masih perlu mengembalikan Borang R sehingga tamat tempoh peralihan pada 31 Disember 2013 walaupun telah masuk sistem percukaian satu peringkat.

### **4.4 STAMPS**

Modul e-Bayaran melalui *Financial Process Exchange* (FPX) masih dalam pembangunan dengan pihak bank ekoran perubahan dalam sistem MEPS. Dengan itu, bayaran untuk duti setem masih perlu buat di kaunter bayaran.

#### **4.5 Notis Pemberitahuan Mahkamah**

Wakil persatuan akauntan memaklumkan bahawa Notis Pemberitahuan Mahkamah dihantar ke alamat setiausaha syarikat menyebabkan pembayar cukai lambat menerima notis tersebut. Notis tersebut dikeluarkan oleh Unit Undang-Undang, Cawangan Petaling Jaya. Beliau mencadangkan agar salinan notis seperti ini dihantar juga kepada ejen cukai.

LHDNM memaklumkan bahawa notis pemberitahuan mahkamah dihantar ke alamat terkini yang dibekalkan oleh pembayar cukai. Sekiranya dalam data pembayar cukai terdapat tiga alamat, maka notis akan dikeluarkan ke salah satu alamat yang aktif mengikut turutan berikut:

- (i) alamat surat-menyurat
- (ii) alamat perniagaan
- (iii) alamat berdaftar

#### **4.6 Cukai Keuntungan Harta Tanah**

Mesyuarat memaklumkan bahawa tarikh pelupusan adalah tarikh Surat Perjanjian Jual Beli bagi Kontrak Bersyarat untuk syarikat berhad.

#### **4.7 Fi Pengarah**

Wakil persatuan memaklumkan bahawa pegawai audit luar dan juga penyiasatan LHDNM memaklumkan bahawa fi pengarah akan ditaksir (dengan penalti) dalam tahun di mana fi pengarah tersebut dilaporkan dalam akaun syarikat walaupun bayaran tersebut belum diterima oleh pengarah tersebut.

Mengikut pindaan ke atas subseksyen 25(2A) ACP 1967, mulai tahun taksiran 2009, fi pengarah ditaksir dalam tahun asas di mana pendapatan tersebut diterima.

Wakil persatuan ingin tahu sama ada terdapat sebarang garis panduan yang dikeluarkan sebagai rujukan berkenaan cara pengendalian fi pengarah sebelum dan selepas tahun taksiran 2009.

Wakil Persatuan diminta memanjangkan kes seperti ini kepada Jabatan Dasar Percukaian untuk semakan.

***Tindakan: LHDNM (JDP)***

#### **4.8 Pendapatan Sewa Di Bawah Subsekyen 4(a) atau 4(d)**

Jabatan Dasar Percukaian memaklumkan bahawa Ketetapan Umum berkenaan pendapatan sewa dijangka akan dikeluarkan pada awal tahun 2010. Sebarang kekeliruan berkenaan isu ini boleh dikemukakan ke Jabatan Dasar Percukaian.

#### **4.9 Pembatalan Bayaran Dividen Kerana Kekurangan Baki 108**

Wakil Persatuan akauntan memaklumkan bahawa terdapat satu kes di mana pembayar cukai telah melaporkan pendapatan dividen dan tolakan cukai seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (Dividen) telah dituntut, tetapi baucar dividen tersebut telah dibatalkan kerana syarikat pembayar kekurangan baki 108 dan masuk sistem percukaian satu peringkat. Pembayar cukai perlu menghantar Borang Nyata Terpinda kerana terdapat cukai tambahan yang perlu dibayar. Persoalan sekarang ialah sama ada pembayar cukai tersebut akan dikenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 77B dan subseksyen 103(1A) ACP 1967 atau tidak.

#### ***LHDNM***

***Syarikat pembayar (dividen) telah membuat rayuan ke Jabatan Dasar Percukaian dan permohonan untuk menganggap dividen yang telah dikeluarkan sebagai single tier dividend telah ditolak. Alasan penolakan rayuan telah pun diberikan. Syarikat tersebut seterusnya telah membuat rayuan kepada Kementerian Kewangan. Kes juga telah dirujuk kepada TKP(Dasar) dan beliau bersetuju dengan penolakan tersebut. Sehubungan itu tiada isu pemegang saham (penerima dividen) perlu membuat taksiran pindaan kerana dividen yang diterima dianggap franked dividend dan pemegang saham layak menuntut kredit sek 110. Seksyen 77B tidak terpakai dalam kes ini.***

#### **4.10 Public Company Limited by guarantee – Foundation**

Isu ini telah dibangkitkan dan dijawab dalam Dialog Operasi Bil. 1/2009 bertarikh 25 Februari 2009 (perkara 3.1 muka surat 17) seperti berikut:

“A Foundation which is a public company limited by guarantee and incorporated under the Companies Act 1965 had in the past being issued with a C reference lately, it had been noted that they had been issued a F reference instead.

Please confirm whether a Foundation which is incorporated under the Companies Act 1965 should be issued with a C or F reference.

## **LHDNM**

**Sesuai organisasi / institusi / badan perseorangan yang menggunakan apa-apa nama, dan ditubuhkan sebagai syarikat berhad menurut jaminan ('limited by guarantee') seperti yayasan dan mempunyai objektif seperti berikut akan didaftarkan di bawah jenis fail 'F' (Borang TF):-**

- (i) tidak bermotifkan keuntungan**
- (ii) semata-mata memberi manfaat kepada ahli**
- (iii) memelihara atau menggalakkan kepentingan ahli**

**Akan tetapi, sesuatu organisasi / institusi / badan perseorangan yang menggunakan apa-apa nama dan ditubuhkan sebagai syarikat berhad menurut jaminan ('limited by guarantee') yang tidak mempunyai objektif yang dinyatakan seperti di atas adalah dikategorikan sebagai jenis fail 'C' (Borang C)."**

- 4.11** LHDNM memperingatkan agar semua isu / masalah berkaitan sistem dikemukakan ke meja bantuan [helpitef@hasil.gov.my](mailto:helpitef@hasil.gov.my) supaya tindakan segera dapat diambil. Perkara ini telah dipersetujui dalam mesyuarat yang lepas tetapi LHDNM masih menerima aduan / pertanyaan yang di e-mel terus kepada seseorang pegawai.

## **5. ISU TAMBAHAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH INLAND REVENUE EX-OFFICERS ASSOCIATION**

### **5.1 Issue 1 – Labuan Companies Taxable under ITA 1967**

#### **1A – Background**

With effect from YA 2009, Labuan Offshore Entities can elect to be charged to tax under the Income Tax Act 1967 and must make an election in a prescribed form within three months after the beginning of the basis period for a year of assessment.

#### **1B – Issue**

We need confirmation from the IRBM that the full provisions of the Income Tax Act 1967 will be applicable to Labuan Companies, who opt to be taxed under the ITA and there are no exceptions.

## **LHDNM**

***Syarikat Luar Pesisir Labuan yang telah membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik di bawah seksyen 3A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 untuk ditaksir di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 akan tertakluk kepada peruntukan ACP 1967 sepenuhnya. Tiada sebarang pengecualian buat masa ini.***

## **5.2 Issue 2 - Field Audit - Review Procedure**

### **2A - Proposal**

We will like to propose that a more detailed audit finding report be presented to the taxpayer in order to have a faster conclusion of the tax audit, especially where there is a change in tax agent.

### **Tax Audit Framework - Paragraph 7.6 – Settlement of Audit**

Audit Findings – after the concluding the audit work, the audit officer will prepare an *audit findings report* for approval by the Branch Audit Manager. The taxpayer will be informed of the audit findings which will cover audit issues raised, reasons and rationale for raising the audit issues and the proposed tax adjustments if any for the respective years of assessments involved.

### **2B - Proposed Format**

Detailed Facts Found by Field Audit Officer

The Law

Application of the Law to the Facts

Conclusion

Tax Computations

## **LHDNM**

***Perkara di atas telah diberi penekanan dalam Rangka Kerja Audit (RKAC) – pindaan 2009 di perenggan 7.6.1 hingga 7.6.5.***

***Walau bagaimanapun, bagi tujuan meningkatkan mutu laporan, Jabatan Pematuhan Cukai akan mengkaji kesesuaian pemakaian format seperti yang dicadangkan.***



### 5.3 Issue 3 - Industry Codes / Gross Profit Ratio

#### 3A - Observation

The Revenue as of late have been using the gross profit divided by sales ratio to pick up cases for field audit. In order to ensure that the correct cases are picked up, some of the industry codes need further definition. An example is given below.

#### 3B – Proposal

- 1 – The current range of industry codes needs to be enhanced.
- 2 – In certain countries, the Revenue will highlight the rate where taxpayers will be picked up for a Field Audit, if they fall below a certain rate. IRBM should consider this option to improve tax compliance.
- 3 – The following services needs guidance on which is the right code:

For example

Premium agents, commission agents, selling to direct selling companies, property trust managers, advertisement placement services, tuition centers, management of events, lightings and equipments (including rentals) for concerts etc.

#### **LHDNM**

***Pemilihan kes audit luar tidak bergantung hanya kepada penggunaan nisbah untung kasar sahaja. Sistem TACS mempunyai lebih daripada 100 nisbah untuk tujuan penilaian risiko. Selain daripada itu, pemilihan kes audit luar juga berasaskan isu-isu khusus bagi industri tertentu.***

***Pemakluman kepada pembayar cukai nisbah keuntungan yang digunakan untuk pemilihan kes tidak akan didedahkan kepada orang awam.***

***Walau bagaimanapun, Jabatan Pematuhan Cukai bersetuju kod industri sedia ada perlu diperkemas. LHDNM akan mengambil maklum tentang perkara ini.***

## 6. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menengguhkan mesyuarat pada pukul 5.00 petang.